

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Lima Wilayah Koridor utama terima RM1.4b

## Lima Wilayah Koridor utama terima RM1.4b

**Lima Wilayah Koridor** utama negara akan menerima peruntukan keseluruhan RM1.4 bilion, iaitu meningkat dua kali ganda berbanding RM690 juta pada tahun ini.

Pada pembentangan Bajet 2023, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan, program utama yang dilaksanakan termasuk Projek Ladang Tenuusu di Chuping, Perlis dengan kos RM80 juta.

"Kedua pula adalah Program Pembangunan Modal Insan bagi meningkatkan prestasi akademik anak B40 dengan peruntu-

kan RM63 juta dan ketiga, Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit di Johor dengan peruntukan RM80 juta.

"Program keempat pula adalah Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapanggar Bay di Sabah dengan peruntukan RM250 juta dan kelima, Projek Infrastruktur Bekalan Air Samalaju Fasa 3 di Sarawak dengan peruntukan RM100 juta," katanya.

Beliau berkata, bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi koridor, paket galakan cukai sedia ada yang akan tamat pada tahun ini akan ditambah baik dan dilanjutkan untuk tempoh

### RM4 billion

Pelaburan domestik oleh sektor swasta

### RM150 juta

Pembangunan bandar bersempadan Thailand dan Kalimantan

dua tahun lagi.

"Pertumbuhan ekonomi di utara akan terus dipacu melalui projek Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) Delapan di Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Kerajaan berharap membangunkan hab lalu lintas digital dan pusat data alternatif bagi rantau Asia Tenggara di kawasan seluas 81 hektar di SBEZ Delapan.

"Tahun depan, RM25 juta disediakan untuk infrastruktur utama, selain sektor swasta pula akan melabur aset perniagaan dengan potensi pelaburan domestik sehingga RM4 billion dan me-

nyediakan lebih 600 peluang pekerjaan," katanya.

Selain itu, Tengku Zafrul berkata, kerajaan merancang untuk membangunkan bandar bersempadan Thailand dan Kalimantan, Indonesia termasuk Bukit Kayu Hitam di Kedah; Kalabakan, Sabah serta Tebedu dan Bakeselan, di Sarawak dengan kos RM150 juta.

Malah, kerajaan bercadang memulakan kerja awalan bagi pembinaan jalan baharu dari Kalabakan Sabah ke Simanggaris Indonesia dan menaik taraf Jalan Serian-Tebedu Sarawak ke sempadan Indonesia.